

Utusan Malaysia m.s 4 10/5/2011

Kematian Osama tidak selesai masalah

KUALA LUMPUR 9 Mei - Kematian pemimpin al-Qaeda, Osama bin Laden dalam satu serangan di lokasi persembunyiannya di Pakistan baru-baru ini, tidak menjamin masalah keganasan antarabangsa turut berakhir.

Setiausaha Negara Bagi Hal Ehwal Politik, Kementerian Luar Negara dan Integrasi Eropah Republik Croatia, Dr. Mario Nobile berkata, walaupun Osama terbunuh dalam operasi yang digerakkan oleh Amerika Syarikat, namun kumpulan itu tetap wujud walaupun tidak sekukuh dahulu.

Beliau bagaimanapun turut menafikan dakwaan menyatakan pergolakan politik yang berlaku di negara-negara Arab dari Maghribi hingga ke Bahrain pada masa ini digerakkan oleh anggota kumpulan itu.

"Pergolakan di negara-negara Arab berlaku berikutan generasi muda mahukan kemakmuran diagihkan dengan seimbang kepada rakyat, selain kehadiran pekerja asing yang ramai di negara-negara terlibat," katanya selepas menyampaikan syarahan awam bertajuk 'Daripada Mengawasi Keamanan Kepada Membentuk Keamanan- Sebuah Cerita Transformasi di Bawah Bekas Yugoslavia' di sini hari ini.